SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 3 Bab 5 Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 5:PENTADBIRAN BARAT DI SARAWAK DAN SABAH

BAHAGIAN A

1. Antara berikut, yang manakah merupakan etnik tempatan di Sabah?

   I Murut

   II Kelabit

   III Bidayuh

   IV Bajau

   A I dan II

   B I dan IV

   C II dan III

   D III dan IV

2. Apakah golongan masyarakat yang ditadbir oleh penjawat jawatan berikut di Sarawak?

Tua Kapung

   A Melanau

   B Bidayuh

   C Kenyah

   D Kayan

3. Apakah peranan golongan matto'a terhadap masyarakat tempatan di Sabah?

   A Melindungi Adat

   B Menguasai Daerah

   C Memimpin kaum Bajau

   D Mengetuai pentadbiran Kadazandusun

4. Bagaimanakah tindakan yang diambil oleh pentadbiran Brooke terhadap penentangan yang telah dilakukan oleh tokoh berikut?

Sharif Masahor

A Dibuang ke Betawi

B Dibuang ke Melaka

C Dibuang ke Singapura

D Dibuang ke Pulau Pinang

5. Apakah kawasan yang terawal sekali dikuasai oleh Dinasti Brooke di Sarawak?

A Batang lupur

B Bintulu

C Kuching

D Saribas

6. Apakah negara pengimport utama hasil keluaran masyarakat Sabah berikut?

Sarang burung

A Siam

B Ryukyu

C China

D Arab

7. Sistem pemerintahan tempatan yang dilaksanakan di Sabah dan Sarawak adalah sistem kesukuan.
   Apakah asas pegangan sistem kesukuan tersebut ?

   A Ketaatan kepada ketua
   B Persamaan suku kaum
   C Penekanan terhadap adat
   D Kepatuhan kepada budaya

8. Sistem Kedatuan merupakan sistem pemerintahan tradisi masyarakat Melayu di Sarawak. Apakah pusat pemerintahan sistem tersebut ?

   A Kawasan pantai timur
   B Bandar-bandar utama
   C Pinggir Lembah sungai
   D Sekitar Sungai Sarawak

9. Apakah tujuan penghantaran kapal *HMS Dido* yang dimiliki oleh angkatan tentera laut British ke Sarawak ?

   A Memerangi ancaman lanun
   B Menghapuskan perang saudara
   C Menentang kebangkitan pembesar
   D Memperkukuh pertahanan Sarawak

10. Pada tahun 1878, Alfred dan Edward Dent telah membuat pajakan terhadap pantai timur Sabah ?
    Siapakah yang membuat pajakan kawasan tersebut ?

    A Sultan Sulu
    B Sultan Brunei
    C Sharif Masahor
    D Datu Patinggi Ali

11. Sebelum kedatangan kuasa-kuasa luar, masyarakat tempatan di Sabah dan Sarawak telah mempunyai sistem pemerintahan yang berkesan , iaitu sistem

A ketua
B kedatuan
C kesukuan
D kepatuhan

12. Antara sebab kuasa-kuasa luar menjajah dan campur tangan dalam negara kita termasuklah

I kawasan tanah tinggi yang banyak
II kepelbagaian penduduk
III kedudukan geografi
IV hasil bumi yang berharga

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

13. Soalan 13 berdasarkan gambar berikut.



I II III

Susun tokoh dalam Dinasti Brooke mengikut turutan yang betul.

A III , II , I
B I , II , III
C II, III ,I
D III, I, II

CADANGAN JAWAPAN

1.	B	11.	C
2.	D	12.	D
3.	A	13.	C
4.	C	14.	B
5.	C	15.	B
6.	C	16.	D
7.	C	17.	B
8.	D	18.	D
9.	A	19.	A
10.	A	20.	C

BAB 5 : PENTADBIRAN BARAT DI SARAWAK DAN SABAH

TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Campurtangan Dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK :** **7.5 Pentadbiran Barat di Sarawak Dan sabah**	**SP:** **7.5.2 Menerangkan peluasan Kuasa rejim Brooke di Sarawak**

1 Sarawak kaya dengan hasil bumi seperti sagu, antimoni dan emas telah menarik perhatian James Brooke untuk menguasai negeri tersebut.

(Buku teks m.s 114 - 115)

(a) Senaraikan 2 daripada individu yang terlibat dalam percaturan politik dan pemerintahan di Sarawak.

(i) ……

(ii) ……

(2 *markah*)

(b) Jelaskan dua strategi yang dilakukan oleh James Brooke untuk mendapatkan kuasa pemerintahan di Sarawak

……..

……..

……..

……..

(4 *markah*)

(*c*) Huraikan iktibar daripada peristiwa kelicikan dan kemampuan James Brooke menggunakan pelbagai strategi yang membolehkannya menguasai sumber ekonomi di Sarawak.

……..

……..

……..

……..

……..

……..

(4 *markah*)

Panduan penskoran - Struktur

No. Soalan	Jawapan	Markah
1 (a)	Senaraikan 2 daripada individu yang terlibat dalam percaturan politik dan pemerintahan di Sarawak. F1 Sultan Omar Ali Saifuddin II F2 Pengiran Raja Muda Hashim F3 James Brooke F4 Datu Patinggi Ali m/s 114-115	 1 1 1 1 (Maks 2 markah)
1 (b)	Jelaskan dua strategi yang dilakukan oleh James Brooke untuk mendapatkan kuasa pemerintahan di Sarawak. F1 Rundingan F2 Berunding dengan Pengiran Muda Hashim untuk menyelesaikan pertelingkahan di Sarawak F3 Pengiran Muda Hashim menawarkan Sarawak kepada James Brooke sebanyak dua kali F4 Ugutan F5 mengugut menyerang Pengiran Muda Hashim di Kuching F6 Mengugut Sultan Omar Ali Saifuddin F7 Perjanjian F8 Perjanjian 1841 dengan pengiran Muda Hashim F9 Perjanjian 1842 dengan Sultan Omar Ali Saifuddin F10 Ketenteraan F11 sokongan kapal HMS Dido F12 memerangi ancaman lanun	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (Maks 4 markah)
1 (c)	Huraikan iktibar daripada peristiwa kelicikan dan kemampuan James Brooke menggunakan pelbagai strategi yang membolehkannya menguasai sumber ekonomi di Sarawak. F1 Bijak menggunakan sumber yang ada F2 Bijak merancang strategi F3 Mempunyai perancangan masa depan F4 Menguasai semua kemahiran F5 Amanah dalam pekerjaan F6 Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berwibawa F7 Sentiasa mengamalkan sikap bekerjasama F8 Bijak memanfaatkan peluang yang ada F9 memiliki semangat jati diri yang tinggi (Mana-mana jawapan yang munasabah)	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (Maks 4 markah)

BAB 5 : PETADBIRAN BARAT DI SARAWAK DAN SABAH

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK : 7.5** Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah	**SP:** 7.5.2

1. (a) Jelaskan latar belakang kehadiran James Brooke di Sarawak. (6 Markah)

   (b) Terangkan strategi James Brooke meluaskan kuasa di Sarawak. (6 Markah)

   (c) Jelaskan cara untuk mengelakkan pertapakan kuasa asing di negara kita. (8 markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK : 7.5** Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah	**SP:** 7.5.3

2. Kedudukan Sabah yang strategic dan potensi ekonominya menjadi factor yang menarik kemasukan pemodal asing termasuklah SBUB. *(m/s 123)*

   (a) Jelaskan tentang kedudukan Sabah yang strategik sehingga menarik kuasa asing. (6 Markah)

   (b) Terangkan kesan pemberian Piagam Diraja kepada SBUB terhadap Sabah. (6 Markah)

   (c) Pelbagai iktibar yang boleh diambil daripada pentadbiran SBUB di Sabah. Bagaimanakah kita sebagai rakyat Malaysia boleh memanfaatkan sumber kekayaan yang ada di negara kita ? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK : 7.5** Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah	**SP:** 7.5.3

3. Perluasan kuasa asing di Sabah bermula dari tahun 1865 dan pihak British mula menguasai Sabah menerusi Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBUB) pada tahun 1881 dan seterusnya mengukuhkan kekuasaan pada tahun 1888 apabila Sabah menjadi negeri naungan British. *(m/s 122)*

   (a) Jelaskan faktor yang mendorong British untuk menguasai Sabah. (6 Markah)

   (b) Salah satu bentuk pentadbiran yang dijalankan oleh SBUB di Sabah demi mengekalkan kuasa politik mereka ialah dengan mengekalkan pembesar tempatan dalam pentadbiran.
   Jelaskan pernyataan tersebut. (6 Markah)

   (c) Pada pendapat anda, apakah kemungkinan yang akan berlaku pada hari ini jika Sabah tidak dikuasai oleh SBUB. (8 Markah)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar